

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN**

**DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**DARIPADA : Y.B. DATO' ABD. AZIZ BIN HAJI SHEIKH FADZIR  
(KULIM BANDAR BAHARU)**

**PERTANYAAN : LISAN**

**TARIKH : 08.06.2015**

**Y.B. DATO' ABD. AZIZ BIN HAJI SHEIKH FADZIR [ KULIM BANDAR BAHARU ]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan berapakah jumlah keseluruhan syarikat milik Kerajaan seperti (Pembinaan PFI Sdn. Bhd.) dan (Pembinaan BLT Sdn. Bhd.) atau pun perbelanjaan yang diklasifikasikan sebagai off balance sheet yang ditanggung oleh Kerajaan dan berapakah jumlah pembayaran bulanan/tahunan bagi tujuan tersebut.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, sehingga 31 Mei 2015, terdapat sembilan buah syarikat milik Kerajaan melalui Menteri Kewangan Diperbadankan (MKD) yang memiliki perbelanjaan yang diklasifikasikan sebagai *off balance sheet* yang kini ditanggung oleh Kerajaan. Jumlah pembayaran tahunan bagi tempoh di antara 2015 dan 2020 adalah di antara RM4.76 bilion hingga RM11.62 bilion.